

Terjemah ke bahasa Jepun



Maszlee (tiga, kiri) ketika majlis pelancaran yang berlangsung di gedung Kinokuniya Shinjuku, Tokyo.

Lima buku Malaysia sebagai permulaan

TOKYO

Lima buah buku termasuk 'Hang Tuah: Catatan Okinawa' yang diterjemah ke dalam bahasa Jepun dilancarkan di Tokyo, semalam.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, usaha berkenaan merupakan inisiatif kerjasama antara Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Japan Malaysia Association (JMA) serta sokongan tiga universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Selain 'Hang Tuah: Catatan Okinawa', turut dilancarkan, 'Islamic Finance Fundamentals With Applications in Malaysia', 'The Basics of Islamic Finance With Applications in Malaysia', 'Halal: All That You Need To Know' dan 'Beautiful Malaysia'.

Maszlee berkata, pelancaran berkenaan

merupakan permulaan kepada lebih banyak lagi projek terjemahan dan penerbitan buku-buku Malaysia ke bahasa Jepun.

"Usaha terjemahan dan penerbitan buku ini penting untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara," katanya.

Selain itu, katanya, ia bertepatan dengan kempen Dekad Membaca Kebangsaan yang digerakkan Kementerian Pendidikan (KPM) dan KLBACA! iaitu kempen Kuala Lumpur ke arah Kota Buku Dunia 2020.

"KPM akan teruskan memastikan aktiviti penterjemahan bergiat lebih aktif termasuk terjemahan buku dalam bahasa Melayu ke bahasa asing serta dari bahasa asing ke bahasa Melayu," katanya pada pelancaran di gedung Kinokuniya Shinjuku di sini yang turut dihadiri Presiden Kinokuniya Co. Ltd, Masashi Takai dan Pengarah Eksekutif JMA, Takakazu Ogawa.

Hadir sama, Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr. Nor Aeni Mokhtar; Pengarah Penerbit UMT, Prof Madya Datuk Dr. Noraien Mansor; Pengarah Penerbit UPM, Kamariah Mohd Saidin dan Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan ITBM, Siti Rafiah Sulaiman.